

Kajian Indeks Pendapatan Rumah bagi menghasilkan laporan indikatif kedudukan kewangan pemilik-pemilik rumah di 12 lokasi sekitar Lembah Klang itu dijalankan oleh Sime Darby Property Berhad (Sime Darby Property) dengan kerjasama Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya (UM).

Usaha itu bagi memberi pemahaman mengenai profil pemilik rumah, tahap kedudukan kewangan

**ABDUL WAHAB MASKAN**  
Pengarah Urusan Sime Darby Property

dan corak perbelanjaan dalam menentukan garis asas pemilikan rumah di Lembah Klang.

Lokasi kajian dijalankan di Bukit Jelutong, Denai Alam, Bukit Subang, Klang Utara, Subang Jaya,

USJ, Putra Heights, Ara Damansara, Mont Kiara, Malawati, Kajang dan Nilai melibatkan 1,529 responden dengan 1,183 adalah pemilik rumah.

Usaha ini membabitkan golo-

pembiayaan perumahan.

Kajian Indeks Pendapatan Rumah dilancarkan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan di Pusat Konvensyen Sime Darby, di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengarah Urusan Sime Darby Property, Datuk Abdul Wahab Maskan dan bekas Dekan Fakulti Alam Bina UM, Prof. Dr.

“Kali ini kajian menumpukan kepada kawasan operasi syarikat berkenaan manakala peringkat kedua akan dijalankan di kawasan projek yang dirancang mereka.

“Peringkat ketiga akan meneruskan kerjasama dengan UM yang mana kita akan keluar dari kawasan tradisional ke kawasan lain seperti Johor, Sabah dan Sarawak,” ujar beliau.

# UTM hasilkan Teknologi Minda Pintar

JOHOR BAHRU 17 Feb. - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya menemui satu kaedah pembelajaran yang mampu meningkatkan kebolehan semula jadi minda dengan melentur gelombang otak serta menggabungkan minda sedar dan separa sedar.

Penyelidik Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan UTM, Prof. Dr. Eko Suprianto berkata, teknik pembelajaran baharu itu menggabungkan unsur sains kognitif, neurologi dan psikologi yang disusun dalam satu bentuk inovasi audio dikenali sebagai Teknologi Minda Pintar.

Beliau berkata, dengan menggunakan audio bunyi-bunyian, teknik pelenturan gelombang otak akan meletakkan minda seseorang dalam keadaan tenang dan mencetuskan fungsi serentak seluruh otak yang akan meningkatkan daya penerimaan informasi.

“Fungsi serentak seluruh otak akan membuatkan minda individu berfungsi seperti span yang menyerap maklumat baharu daripada bahan bacaan.

“Teknik pembelajaran konvensional selama ini yang melibatkan hafalan dan konsentrasi tinggi telah dibuktikan oleh sains sebagai tidak menggunakan keseluruhan kapasiti

semula jadi minda,” katanya semasa memperkenalkan produk Teknologi Minda Pintar, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengasas MinDec Research Sdn. Bhd., Sheikh Mohamad dan Ketua Pegawai Perniagaannya, Hamdan Ismail.

Eko berkata, Teknologi Minda Pintar yang dihasilkan menerusi usaha sama UTM dengan sebuah syarikat teknologi minda, MinDec Research Sdn. Bhd., itu memuatkan dua set audio yang dinamakan Alfa dan Theta dengan kedua-dua set audio itu menampilkan bunyian daripada alam sekitar.

Menurutnya, kedua-dua set audio itu mempunyai peranan berbeza dalam membentuk aktiviti otak serta boleh mencetuskan keadaan minda yang ideal untuk belajar.

“Penggunaan Teknologi Minda Pintar dalam sesi pembelajaran disusun secara sistematik dan dibahagikan kepada tiga fasa pembelajaran iaitu prabelajar, ketika belajar dan pasca belajar,” katanya.

Eko memberitahu, walaupun teknologi bunyian untuk melentur gelombang otak seperti itu telah lama dipelopori di negara barat, Teknologi Minda Pintar adalah yang pertama di dunia dalam konteks formulasi teknik belajar yang sistematik.



**DARI** kiri; Hamdan Ismail, Sheikh Mohamad dan Eko Suprianto menunjukkan alat Teknologi Minda Pintar dalam sidang akhbar di Johor Bahru, semalam.